



**PEJABAT KETUA AUDIT NEGARA**  
(OFFICE OF THE AUDITOR - GENERAL )  
JALAN CENDERASARI,  
50518 KUALA LUMPUR.  
MALAYSIA

Telefon : 03 - 2929 532  
Fax : 603 - 2944 708  
Kawat : "AUDITNEGARA"K.L.  
(Cable)

Ruj.Fail : AUDIT/IP/147/656/3 (14)

Tarikh : 21 Julai 2000

Ketua-ketua Eksekutif  
Badan Berkanun Persekutuan/Negeri/  
Pihak Berkuasa Kerajaan Tempatan

Y. Bhg. Tan Sri/ Datuk /Dato'/Tuan,

**PEKELILING KETUA AUDIT NEGARA BIL. 4/2000**  
**Pengauditan Akaun Badan Berkanun Persekutuan,**  
**Badan Berkanun Negeri Dan Pihak Berkuasa Tempatan**

Seperti yang Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/tuan sedia maklum, pengauditan kebanyakan akaun Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan adalah dilakukan oleh Firma Audit Swasta (FAS) yang dilantik oleh saya secara kontrak. Ini akan terus dilaksanakan pada masa akan datang.

2. Pengauditan terhadap akaun sesuatu auditee dijalankan dalam tempoh yang ditetapkan oleh Surat Perjanjian Pelantikan FAS berkenaan. Biasanya setelah akaun berkenaan selesai diaudit, satu perbincangan (*Exit Conference*) akan diadakan antara Y.Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/tuan selaku Pegawai Pengawal, wakil FAS dan pegawai Jabatan Audit Negara. Tujuan *Exit Conference* ini ialah untuk membincang perkara-perkara dalam surat pengurusan (*Management Letter*) yang masih belum diselesaikan di samping mengenal pasti cara-cara bagi mengatasi isu-isu berbangkit. Bagi mempertingkatkan lagi sumbangan Jabatan ini, saya telah mengambil keputusan supaya *Exit Conference* ini dipengerusikan oleh saya atau pegawai yang diberikuasa menandatangani Sijil Ketua Audit Negara bagi pihak saya.

3. Kerjasama dan sokongan Y. Bhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/tuan adalah diharapkan untuk memastikan teguran audit diberi perhatian sewajarnya.

Sekian, terima kasih.

Yang Ikhlas,

  
( Datuk Dr. Hadenan bin Abdul Jalil )  
KETUA AUDIT NEGARA